

RASULULLAH SEBAGAI IKON AL-QAWWAM

Ain Sofiah Binti Rosli¹
Nor Awatif Binti Zahid²
Nurazura Binti Othman³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: sofiya_asr@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: awatifzahid305@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: nurazura.othman29@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: *Al-Qawwam merupakan sifat yang penting dan perlu ada pada seorang lelaki. Menurut Ibn Kathir perkataan Al- Qawwam membawa makna pemimpin, pembesar, penguasa dan pendidik yang senantiasa mengurus dan bertanggungjawab dalam sesuatu perkara. Umat Islam sendiri memiliki tokoh panutan yang tidak asing lagi iaitu Rasulullah sebagai contoh tauladan Al-Qawwam yang patut diikuti oleh pemimpin sesuatu organisasi. Namun pada masa kini pemuda-pemuda Islam tidak lagi menjadikan Rasulullah sebagai ikon utama dalam panduan kehidupan bahkan artis-artis bukan Islam diangkat menjadi idola. Hal ini dapat dilihat bahawa banyak keruntuhan organisasi kekeluargaan berlaku pada masyarakat dan negara. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tentang sifat al-Qawwam dari aspek kehidupan Rasulullah agar dapat dipraktikkan oleh pemimpin dan memberi kesan kepada kehidupan seseorang. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian di perpustakaan dan bahan-bahan rujukan melalui internet. Hasil kajian ini mendapati dengan adanya sifat Al-Qawwam pada pemimpin-pemimpin sesuatu organisasi mampu memberi impak positif kepada keluarga, masyarakat dan negara bahkan mampu menarik orang bukan Islam untuk mengenal keindahan agama ini. Kesimpulannya, para pemimpin khususnya para lelaki mestilah berusaha untuk menjadi insan yang melindungi, membimbing, dan menjadi ketua yang bertanggungjawab dalam mengukuhkan sesuatu organisasi.*

Kata Kunci: *Rasulullah, Al-Qawwam, Ikon, Pemimpin*

Pendahuluan

Nabi Muhammad SAW ialah seorang manusia yang telah dipilih Allah SWT untuk menjadi ikutan kepada seluruh umat manusia dalam kehidupan dunia sehingga akhirat. Baginda juga merupakan seorang pemimpin yang terulung dalam sejarah dunia walaupun terdapat jutaan rujukan tokoh dan pemimpin yang menjadi idola di dunia ini. Hal ini kerana, tiada siapa yang dapat menandingi keunggulan keperibadian Rasulullah SAW dalam mengetuai keluarga, masyarakat dan negara apatah lagi umat manusia di seluruh alam semesta ini. Malah di dalam buku 100 Most Influential People in the World yang dikarang oleh pengarang Barat iaitu Michael H Hart menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah sebagai orang yang paling berpengaruh dalam segala aspek di dunia dan telah menjadi pemimpin agung serta pengaruhnya tetap akan dikenang sepanjang zaman (Diana Riski Sapitri Siregar, 2022). Berdasarkan firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kalian pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (rahmat) Allah dan (balasan baik) pada hari akhirat, serta dia juga menyebut-nyebut dan mengingati Allah sebanyaknya ketika masa susah dan senang.” (Surah al-Ahzab: 21)

Sehubungan dengan itu, dalam kehidupan sifat al-Qawwam ini ibarat kepala dari seluruh anggota tubuh badan. Ia memainkan peranan yang penting dalam pengaturan pola dan pergerakan. Kecekapan dalam memimpin akan mengarahkan pengikutnya kepada tujuan yang ingin dikecapi iaitu kejayaan dan kesejahteraan umat dengan mendapat keredhaan Allah Taala. Dalam firman-Nya:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ

“Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya untuk mencari keredhaan Allah. Dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-hamba-Nya.” (Surah al-Baqarah: 207)

Demikian itu, Allah SWT menciptakan manusia sebagai khalifah (pemimpin) di muka bumi ini, maka seluruh umat manusia tidak terlepas dari menjalani peranan sebagai al-Qawwam. Hal ini dibuktikan bahawa peranan al-Qawwam ini dapat menentukan sesuatu organisasi sama ada gagal mahupun berjaya. Maka tulisan ini bertujuan membahaskan tentang sifat al-Qawwam yang ada pada Rasulullah kerana ia sangat penting dan perlu digali lebih dalam lagi untuk dijadikan sebagai rujukan keteladanan dalam mempunyai sifat ini khususnya pemimpin dalam sesebuah organisasi yang lebih besar dan dalam bentuk untuk menciptakan pemimpin masa hadapan yang baik dan bersusila yang dapat diambil dan dipratikkan melalui keteladanan Rasulullah SAW dalam kehidupannya.

Kajian Literatur

Sorotan kajian lepas berkaitan ikon al-qawwam telah dibincangkan secara meluas dan dilihat daripada pelbagai sudut dalam perbincangan dan penulisan ahli-ahli akademik. Kajian-kajian berkaitan ikon al-qawwam ini merangkumi al-qawwam dalam institusi pentadbiran awam, keluarga, pendidikan, dan pemerintahan. Terdapat empat isi penting yang akan dibincangkan dalam kajian literatur ini. Antaranya, *al-qawwam* dalam Islam, *al-qawwam* menurut perspektif ulama', Rasulullah sebagai ikon pemimpin, dan ciri-ciri kepemimpinan Rasulullah.

Al-Qawwam dalam Islam

Al-Qawwam adalah satu sifat yang Allah berikan kepada golongan lelaki yang mana secara asasnya membawa maksud pemimpin (Adanan Mat Junoh, 2012). Perkataan al-Qawwam ini ada disebutkan oleh Allah dalam surah an-Nisa' ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.” (Surah an-Nisa': 34)

Menurut kajian yang dibuat oleh Ananur Jannah (2022), perkataan *Qawwam* dalam ayat ini telah ditafsirkan oleh para ulama' dan *mufasssirin* dengan interpretasi yang berbeza-beza. Diantaranya Al-Thabari menafsirkan *qawwam* sebagai pelaksana tugas (*nafiz al-amr*) dan pelindung yang mengurus, dan mengajari, dan kelebihan ini telah diberikan oleh Allah kepada golongan lelaki seperti kewajipan memberikan mahar dan nafkah. Ibn Kathir (1996) juga menjelaskan bahawa perkataan *qawwam* bermakna bahawa lelaki adalah ketua rumah tangga, penasihat sekaligus sebagai pendidik kepada wanita jika ia salah.

Selain itu, menurut kajian Ririn Hernawati (2019) perkataan *qawwam* juga ada dibahaskan dalam kitab *Lisan al- 'Arab* (1990) dari segi bahasa iaitu *qawwamun* adalah kata jamak bagi *qawwam* yang berasal dari kata *qama yaqumu qauman wa qiyaman* yang bermaksud memelihara, menjaga dan melakukan pembaikan. Jika orang melaksanakan sesuatu tugas sebaik mungkin, berulang-ulang dan berterusan maka ia dipanggil *qawwam*. Jika dikatakan *qayyim al-mar'ah* ia bermaksud suami kerana suami bertanggungjawab mengatur urusan isteri.

Oleh hal yang demikian, lelaki *qawwam* bukan ditujukan kepada para suami sahaja malah kepada semua yang digelar pemimpin di luar sana. Sebagai contoh, perdana menteri sebagai pemimpin negara, pengetua sekolah sebagai pemimpin sekolah dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan maksud pemimpin sebagaimana disebutkan di dalam hadis ini.

ألا كلكم راع، وكلكم مسؤول عن رعيته، فالأمير الذي على الناس راع، وهو مسؤول عن رعيته، والرجل راع على أهل بيته وهو مسؤول عنهم.

“Ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin dan setiap dari kalian bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang imam (pemerintah) yang menjadi pemimpin dalam kalangan manusia dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin kepada ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka.” (HR Muslim: 3316)

Hadis ini menjelaskan bahawa seorang pemimpin adalah merupakan penjaga yang diberikan amanah, komited menjaga apa yang diamanahkan kepadanya dan dia dituntut berlaku adil serta dielakkan daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kemaslahatan kepada individu di bawah jagaannya (Siti Halimah Putung, 2020).

Seterusnya menurut Ahmad Sarkawi, F (2021), terdapat banyak ciri-ciri al-Qawwam yang perlu dimiliki oleh setiap pemimpin namun antara kriteria yang penting ialah bertaqwa, istiqamah, amanah, mempunyai ilmu pengetahuan dan memiliki keberanian, sabar serta memiliki rasa peduli dan kasih sayang. Hal ini kerana memilih pemimpin dalam perspektif Islam seharusnya mengikuti ciri-ciri yang menjadikan kepimpinan seseorang itu lebih bertanggungjawab dalam melindungi dan mengurus masyarakat.

Di samping itu, dasar prinsip al-Qawwam yang perlu diterapkan ialah dengan berpandukan al-Quran dan sunnah yang mana ia merupakan landasan utama dalam segala perkara termasuk hal kepimpinan. Seterusnya, menegakkan kebenaran yang diajar dalam islam dengan menghayati dan mengamalkan dalam kehidupan. Selain itu, melakukan mesyuarat bersama orang-orang yang mempunyai ilmu yang luas dan dapat memberikan pendapat yang baik. Tambahan itu, berlaku adil tidak kira bangsa dan agama juga termasuk dalam prinsip yang perlu ada dalam sifat al-Qawwam yang mana ia dapat menjamin kesejahteraan sesuatu negara serta pemimpin Islam perlu memberi kebebasan bersuara dengan menggalakkan dalam memberi pendapat yang bernas mahupun kritikan yang membina (Helmi, 2006).

Al-Qawwam Menurut Perspektif Ulama’

Menurut kamus dewan, al-Qawwam atau pemimpin bermakna orang yang memimpin. Selain itu, dalam istilah yang lebih jelas pemimpin boleh didefinisikan sebagai orang yang mampu mempengaruhi serta mengajak pihak lain agar dapat melakukan sesuatu tindakan untuk mencapai tujuan bersama (Afandi, 2013). Menurut Hamka hak pemimpin hendaklah ditekankan kepada para lelaki kerana ia adalah perintah dari Allah Swt serta bersesuaian dengan keadaan jasmani dan rohani manusia. Selain itu perkataan khalifah juga digunakan oleh Hamka bagi menjelaskan maksud pemimpin yang bermaksud pengganti Rasulullah SAW dalam menguruskan pemerintahan mahupun menjadi pengganti dalam melaksanakan hukuman Allah dalam pemerintahan (Zulkifli Mohd Yusof, 2013).

Seterusnya menurut al-Ghazali pemimpin adalah orang yang berpengaruh atau orang yang mempunyai pengaruh yang kuat pada masyarakat. Sehubungan dengan itu, berbagai definisi telah dikemukakan oleh para ahli dan memiliki maksud yang berbeza-beza, namun definisi di atas dapat disimpulkan bahawa seorang pemimpin memiliki peranan yang penting untuk mempengaruhi dan

menggerakkan semua sumber-sumber organisasi untuk mencapai sasaran yang sama. Demikian itu, mengambil dari maksud al-Qawwam ini dapat di ambil dari sejarah Islam terdahulu bahawa terdapat sejumlah pemimpin hebat seperti Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin Khattab, Uthman bin Affan dan Ali bin Abu Thalib. Ditambah pula ramai dikalangan *tabi'in* yang pernah menjadi pemimpin dalam kalangan umat Islam. Selain Rasulullah SAW sebagai al-Qawwam, seseorang pemimpin dapat menjadikan kepemimpinan sahabat dan *tabi'in* sebagai contoh dimasa hadapan (Afriansyah, 2017).

Selain itu, menurut pendapat dari ulama' kontemporari seperti Syaikh Tantawi yang mana beliau berpendapat bahawa makna *qawwam* adalah yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan masalah perempuan, menjaga, memelihara, melindungi dan mendidik. Ini kerana, Allah telah memberikan kelebihan kepada lelaki ke atas perempuan dalam dua keadaan iaitu dari segi *kasbiy* (memberi mahar dan nafkah) dan *wahbiy* (kekuatan fisik). Jelaslah disini bahawa perkataan *qawwam* dari pelbagai perspektif baik ulama' terdahulu mahupun kontemporari adalah sebuah kepemimpinan bukanlah satu kemuliaan dan kelebihan bahkan satu tanggungjawab dan beban yang berat (Rahmah, 2016).

Rasulullah Sebagai Ikon Pemimpin

Menurut kajian Islam, Mubasyaroh (2018) dalam kajian yang bertajuk Pola Kepemimpinan Rasulullah Saw: Cerminan Sistem Politik Islam mengatakan Rasulullah diutus oleh Allah membawa satu risalah yang sempurna. Risalah inipun hendaklah ditunaikan dengan sempurna, dan menjadi bekal hidup manusia. Agama Islam sebagai rahmatan lil'alamin yang datang untuk membawa rahmat bagi seluruh alam tanpa terkecuali. Sebagai seorang pemimpin umat Islam, Rasulullah memiliki pola kepemimpinan yang dapat diterima oleh seluruh masyarakat.

Menurut kajian Aziz (2016), baginda adalah pemimpin agung sepanjang zaman. Baginda diutuskan sebagai seorang nabi dan rasul bukan untuk bangsa Arab semata-mata, tetapi buat seluruh makhluk Allah SWT di alam ini. Baginda bukan saja seorang negarawan terunggul, pahlawan hebat dan ahli politik agung, bahkan seorang suami dan bapa yang penyayang. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah dengan banyak sewaktu susah dan senang." (Surah al-Ahzab, ayat 21). Rasulullah adalah sebaik-baik manusia (خير الانام), bahkan sebaik-baik makhluk Allah SWT (خير الخلق الله). Beliaulah pemimpin para nabi dan rasul penghulu seluruh umat manusia dan pemberi syafaat agung di hari akhirat kelak.

Menurut Ishak (2011), dalam kajiannya bertajuk Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad Saw menceritakan bahawa Nabi juga diangkat sebagai pemimpin tentera di mana sewaktu kepimpinan baginda dalam peperangan, tentera Islam dilarang bertindak kejam terhadap tawanan perang, musuh yang telah mati, kanak-kanak, kaum wanita, orang tua, dilarang mengejar musuh yang telah lari mahupun memusnahkan harta benda dan tanaman awam. Nabi Muhammad SAW juga merupakan pemimpin masyarakat yang berjaya menyatukan umat Islam melalui persaudaraan antara Muhajirin dan Ansar berdasarkan konsep ukhuwah Islamiyah. Kepimpinan nabi terserlah ketika baginda menjadi pemimpin agama, dimana sebagai seorang pendakwah, nabi menunjukkan sifat-sifat sebenar iaitu lemah lembut, toleransi, tegas dan berpegang teguh kepada ajaran yang dibawahnya terutama dalam aspek akidah.

Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah

Menurut Muh Alwy Al-Maliki (2002), antara ciri kepemimpinan Nabi Muhammad S.A.W. ialah bersifat adil. Isteri baginda iaitu Saidatina Aisyah binti Abu Bakar al Siddiq menyatakan baginda bersikap adil dalam segala hal seperti percakapan dan perbuatan. Selain itu, baginda telah menghapuskan diskriminasi kaum dengan menghapuskan semangat assabiyah. Baginda juga membela kaum wanita serta memperkenalkan sistem ekonomi yang adil. Tambahan pula amalan riba dan penipuan yang selama ini menjadi kebiasaan para pedagang Arab telah diharamkan dan digantikan dengan ekonomi Islam. Baginda berjaya menghapuskan semangat assabiyah dan diskriminasi kabilah dengan mengamalkan keadilan, mewujudkan perpaduan dan keharmonian dlm kalangan masyarakat.

Menurut Md Mohiden Bin Mohd Jaffar (2013), berdasarkan kepada ajaran Rasulullah memimpin tidak hanya menggunakan akal dan fizikalnya tetapi memimpin dengan hatinya. Rasulullah mencurahkan rasa cintanya kepada para sahabat sehingga setiap individu dapat merasakan cintanya dengan penuh kasih sayang, tutur kata dan tingkah lakunya yang menawan menjadi rahmat ke sekelian alam. Ketika mempengerusikan mesyuarat, Rasulullah sentiasa menghargai pendapat yang baik dan menerimanya sekiranya ia membawa kebaikan kepada semua. Rasulullah juga sentiasa bersikap berlemah lembut, pemaaf dan sentiasa memohon keampunan kepada Allah S.W.T. Rasulullah bersabda yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud: “Kamu adalah pemimpin, maka kamu akan diminta bertanggungjawab di atas kepemimpinannya. Begitu juga suami adalah pemimpin keluarga, maka mereka akan diminta supaya bertanggungjawab atas kepemimpinannya.

Menurut Abedin (2021), seorang pemimpin harus bersikap mulia supaya menjadi contoh teladan kepada pengikutnya. Nabi Muhammad S.A.W merupakan seorang yang berintegriti, bertoleransi dan berlemah lembut dalam tutur bicara dan perbuatannya., akhlak mulia baginda mampu menarik hati tidak kira kawan ataupun lawan. Sifat jujur dan integriti sehati dalam diri baginda dan diakui ramai sehingga diberi gelaran Al Amin. Selain daripada integriti dan amanah, baginda mempunyai sifat merendah diri yang sangat tinggi. Baginda menolak sanjungan dan sentiasa mahu berdamping dengan pengikutnya tanpa sebarang perbezaan darjat. Satu contoh yang diriwayatkan oleh al-Thabari dalam kitabnya mengenai kisah sebuah perjalanan jauh nabi bersama sahabat, di mana para sahabat telah menawarkan diri secara sukarela untuk mencari kayu api bagi kegunaan bersama. Namun baginda menjawab dengan berkata “... saya tidak suka ada perbezaan antara saya dan kalian, dalam bekerja, kerana Allah tidak menyukai hamba yang berbeza dengan kawan-kawannya.

Dapatan Kajian

Hasil daripada penelitian kajian-kajian perpustakaan, pengkaji mendapati bahawa penjelasan dan pencerahan terhadap makna al-qawwam yang dianjurkan oleh Islam dalam surah al-Nisa’ (4:34) melalui model Rasulullah SAW adalah lebih tertumpu kepada kepemimpinan rumahtangga. Tafsiran terhadap al-qawwam yang memberikan kekuasaan kepada golongan lelaki tidak semestinya dari segi fizikal, bahkan aspek ini perlu disuluh melalui aplikasi sebenar dalam realiti kehidupan Rasulullah SAW sebagai seorang suami yang mana menggunakan kebijaksanaan dalam memimpin keluarganya. Kemudian, terdapat juga hadis sahih yang membuktikan bahawa makna al-qawwam bukan semata-mata ditujukan kepada suami malah setiap pemimpin yang diberi amanah untuk menjaga orang yang berada di bawah jagaanya.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat beberapa perspektif dalam kalangan ulama' tentang al-qawwam. Pertama sekali ialah Hamka yang mana beliau menggunakan perkataan khalifah bagi menjelaskan maksud pemimpin yang membawa maksud kepada pengganti Rasulullah SAW dalam menguruskan pemerintahan. Keduanya ialah al-Ghazali yang mana beliau mengatakan bahawa orang yang berpengaruh atau orang yang mempunyai pengaruh yang kuat pada masyarakat adalah seorang pemimpin. Akhir sekali, pendapat daripada Syaikh Tantawi tentang al-qawwam ialah orang yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan masalah perempuan kerana Allah telah memberikan kelebihan kepada lelaki ke atas perempuan dalam dua keadaan iaitu dari segi *kasbiy* (memberi mahar dan nafkah) dan *wahbiy* (kekuatan fisik).

Selain itu, pengkaji mendapati Rasulullah SAW merupakan contoh ikon pemimpin yang terbaik untuk diikuti oleh ummah. Hal yang demikian kerana Rasulullah SAW memiliki pola kepemimpinan yang dapat diterima oleh segenap masyarakat. Baginda bukan sahaja seorang negarawan terunggul, pahlawan hebat, ahli politik, bahkan seorang suami dan bapa yang penyayang. Oleh itu, pengkaji menekankan bahawa Rasulullah SAW adalah sebaik-baik manusia (خير الانام), bahkan sebaik-baik makhluk Allah SWT (خير الخلق الله). Bagindalah pemimpin para nabi dan rasul penghulu seluruh umat manusia dan pemberi syafaat agung di hari akhirat kelak.

Tambahan pula, pengkaji juga mendapati banyak ciri-ciri kepemimpinan Rasulullah SAW yang boleh dicontohi dan diikuti dalam mentadbir sesebuah organisasi. Ciri- ciri kepemimpinan yang berteraskan kepada ajaran tauhid bukan sahaja akan mendapat kejayaan di dunia tetapi juga mendapat keredhaan di sisi Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud: "Kamu adalah pemimpin, maka kamu akan diminta bertanggungjawab di atas kepemimpinannya". Oleh hal yang demikian, pengkaji percaya bahawa melalui praktis-praktis kepemimpinan yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW dapat membina jati diri dan kualiti 'Lelaki Qawwam' yang mana tegas pada perkara dasar, sabar dalam menghadapi ujian, mempunyai rasa ihsan dan kasih kepada golongan yang lemah di samping peka terhadap segala akal dan helah yang dimainkan (Illia, 2022).

Akhir sekali, perkara yang disebutkan di atas adalah bertepatan dengan objektif kajian ini yang mana untuk mengetahui tentang sifat al-Qawwam dari aspek kehidupan Rasulullah agar dapat dipraktikkan oleh pemimpin dan memberi kesan kepada kehidupan seseorang. Oleh itu, pengkaji menyarankan kepada setiap pemimpin mana-mana organisasi tidak kira keluarga, masyarakat mahupun negara untuk mengikut ciri-ciri kepemimpinan Rasulullah dan memastikan kelestarian ajaran Islam sebagai manifestasi kepada iman dan takwa kepada Allah SWT. Hal ini kerana terdapat beberapa kelebihan sekiranya seorang pemimpin mempraktikkan ciri-ciri kepemimpinan Rasulullah dalam memimpin sesuatu organisasi. Antaranya ialah dapat menjadikan seorang pemimpin sebagai figura figura dominan yang boleh dicontohi dan dihormati oleh masyarakat, dapat memberikan impak yang positif kepada keluarga, masyarakat dan negara bahkan mampu menarik orang bukan Islam untuk mengenal keindahan agama ini (Ariza Abdullah, 2020).

Rumusan

Pengertian *Al-Qawwam* menurut perspektif Islam dan al-Quran itu membawa maksud yang luas dan menyeluruh yang merangkumi kewajipan dan fungsi yang terpenting dalam sesebuah organisasi iaitu dari segi aspek fizikal, mental dan emosi. Mengetahui dan memahami prinsip dan

ciri-ciri *al-Qawwam* yang ada pada Rasulullah S.A.W. dengan baik sekaligus mempratikkan sifat tersebut berasaskan nilai-nilai yang ditetapkan oleh agama Islam dapat memberi kesan yang positif kepada keutuhan dan kekuatan diri dan juga sesebuah organisasi. Oleh hal yang demikian, untuk memastikan matlamat *al-Qawwam* ini tercapai, setiap insan yang beragama Islam terutamanya perlu menjadikan Rasulullah sebagai sumber inspirasi dalam kehidupan seharian. Kunci kepada kekentalan dalam kepimpinan Rasulullah adalah berpegang teguh kepada al-Quran yang mana Islam itu sendiri menyediakan garis panduan yang lengkap bagi menghidupkan sifat *al-qawwam* sebagaimana Rasulullah S.A.W. menunjukkan segala amalannya secara langsung yang mana telah memberi kejayaan serta mengangkat kedudukan Islam di peringkat yang unggul. Oleh itu, jelas sekali Rasulullah S.A.W. merupakan ikon *al-Qawwam* yang terbaik dan mesti dijadikan tauladan sepanjang zaman.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, 194-256 H.

Abedin, N. F. (2021). Ciri-ciri Kualiti Kepimpinan Rasulullah S.A.W yang Harus Dicontohi. In F. P. Perniagaan, *ASPIRASI FPP (Edisi 1)* (pp. 11-13). Negeri Sembilan: Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Adanan Mat Junoh, K. M. (2012). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW. *USIM Research Repository System* , 134.

Afandi, R. (2013). Kepemimpinan dalam Pendidikan Islam. *Insania: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 18(1), 95-116.

Afriansyah, A. (2017). Konsep Pemimpin Ideal Menurut Al-Ghazali. *NALAR: Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 1(2), 82-94 .

Ahmad, S. S. (2021). Memilih Pemimpin dalam Islam. *Idarotuna*, 3(3), 198-215.

Al-Mishr, J. a.-D.-A. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Shadir.

Ariza Abdullah, T. R. (2020). Praktis Bahasa Kepemimpinan (Qiwamah) Rasulullah SAW dalam Rumah Tangga . *Seminar Wanita dan Pembangunan Keluarga, Kolej Universiti Islam Zulkifli Mohammad (KUIZM)*, 1-3.

Aziz, A. (2016). Kepemimpinan dalam Perspektif Islam. *Ilmu Ushuluddin*, 3(1), 1-22.

Diana Riski Sapitri Siregar, J. M. (2022). Model Kepemimpinan Pendidikan Rasulullah SAW. *TARBIYATUNA: Kajian Pendidikan Islam*, 211-213.

Helmi. (2006, April 18). Prinsip Kepimpinan Islam. *PTS Media Group*. Retrieved from <https://pts.com.my/berita/prinsip-kepimpinan-islam>

Hernawati, R. (2019). MAKNA QIWAMAH DALAM AL-QURAN (Perspektif Khaled M. About El-Fadl). *Kementerian Agama Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung Fakultas Ushuluddin dan Studi Agama*.

Illia, A. (2022, Julai 21). 'Lelaki Qawwam' inisiatif perkasa peranan lelaki sebagai pemimpin, pembela masyarakat. Retrieved from Ismaweb (Mengangkat Suara Umat): <https://ismaweb.net/2022/07/21/lelaki-qawwam-inisiatif-perkasa-peranan-lelaki-sebagai-pemimpin-pembela-masyarakat/>

Imam Muslim, Sahih Muslim, 206-261 H.

Ishak, S. (2011). Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad SAW (Ethical Leadership Model Based on Prophet Muhammad PBUH Biography). *Jurnal Hadhari*, 3(2), 23-44.

Jaffar, M. M. (2013). Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah dalam Kalangan Guru-Guru Besar. *Universiti Teknologi Malaysia* .

Jannah, A. (2022). KONSEP QIWAMAH DALAM AL-QURAN (Studi Komparatif Tafsir al-Kasyaf Karya Al-Zamakhsyari dan Quran and Women Karya Amina Wadud). *Kementerian Agama Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya Perpustakaan*, 32-33.

Maliki, M. A. (2002). *Insan Kamil (Muhammad S.A.W.) Edisi Baru Bahasa Malaysia. Terjemahan Hasan Baharun*. Kuala Lumpur: Victory Agencies .

Mubasyaroh. (2018). POLA KEPEMIMPINAN RASULULLAH SAW: Cerminan Sistem Politik Islam. *POLITEA Jurnal Pemikiran Politik Islam* .

Rahmah, H. (2016). KONSEP QAWWAMAH (Jaminan Perlindungan Perempuan dalam Islam). *MUSAWA*, Vol. 8 No. 1, 69-87.

Siti Halimah Putung, R. A. (2020). Kepemimpinan Suami Dalam Perspektif Islam: Fungsi Dalam Memperkukuhkan Institusi Keluarga. *Jurnal Syariah*, 127-156.

Zulkifli Mohd Yusof, A. H. (2013). Pemimpin Menurut Pandangan Hamka: Satu Tinjauan dalam Tafsir Al-Azhar (Leadership According to HAMKA: A Review on Tafsir Al-Azhar). *Journal of Al-Tamaddun*, 8 (1), 17-38.